

26 AUG 1998

Kaya

TIDAK MUSTAHIL PERLIS JADI KAYA, KATA SHAHIDAN

KANGAR, 26 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim berkata cita-cita kerajaan negeri untuk menjadikan Perlis sebagai sebuah negeri yang kaya bukanlah sesuatu yang mustahil.

"Jika rakyat berganding bahu dengan kerajaan untuk meningkatkan hasil negeri, sudah pasti Perlis mampu mencapai cita-cita ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di sini hari ini.

Shahidan berkata, usaha ke arah itu akan dapat dilaksanakan apabila keadaan ekonomi negara kembali pulih.

Jumaat lepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melakukan lawatan kerja sehari ke negeri ini telah menyatakan bahawa Perlis akan menjadi sebuah negeri yang kaya melalui kebijaksanaan kerajaan yang memerintah.

Shahidan berkata, meskipun Perlis kekurangan sumber ekonomi tetapi perkara itu boleh diatasi melalui sokongan rakyat serta bantuan kerajaan pusat.

"Kerajaan Barisan Nasional tidak akan membiarkan Perlis ketinggalan dan akan membantu negeri ini menjadi kaya apabila ekonomi pulih," katanya.

Kerajaan sedang giat melaksanakan projek lebuhraya Kuala Perlis-Changloun berharga hampir RM400 juta yang merupakan antara pemangkin pembangunan ekonomi negeri ini.

Bagaimanapun beberapa projek termasuk pembinaan Kompleks Dewan Undangan Negeri Perlis masih tertangguh kerana masalah pengambilan tanah.

Shahidan juga berkata beberapa projek tertentu terpaksa ditangguh kerana tanah sukar diperolehi oleh kerajaan disebabkan pemiliknya meletakkan harga terlalu tinggi.

-- BERNAMA

AD MAI